



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 9 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM SEDIA AUDIT PEMAIN INDUSTRI BERAS, NASIONAL, SH -7 ISU KARTEL: KPKM SEDIA AUDIT 39,000 PEMEGANG LESEN BORONG BERAS, UTUSAN BORNEO -ONLINE TIDAK AUDIT 39,000 LESEN PADI, BERAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	32 SET BUBU NAGA DIRAMPAS APMM DI PULAU TALANG, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	NANAS MD2 ADA NILAI PASARAN TINGGI, UM -25	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	LAMBAKAN BERAS IMPORT, BERAS TEMPATAN 'KOSONG', DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

KPKM sedia audit pemain industri beras



Mohamad (duduk, dua dari kiri) ketika sidang akhbar lawatan ke projek pembiakan dan penternakan lembu baka waygu di Kampung Seneng, Jelawat, Bachok pada Isnin.

BACHOK - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedia menjalankan audit ke atas semua pemain industri beras di negara ini dalam usaha membanteras isu kartel.

Proses audit itu melibatkan 39,000 pemain industri beras bermula dari pemegang lesen borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bagi melihat sendiri perkara tersebut beliau turun padang membuat lawatan mengejut.

"Kita bertindak bila ada fakta. Kementerian tidak mahu hebahkan perkara tersebut (siasatan)," katanya semasa sidang akhbar pada Isnin.

Sebelum itu beliau mengadakan lawatan ke projek pembiakan dan

penternakan lembu baka waygu di Kampung Seneng, Jelawat di sini.

Menurut beliau, apabila bercakap soal siasatan, KPKM melalui agensinya iaitu Kawal Sedia Padi dan Beras Negara (KSPBN) melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang.

Ujarnya, ketika ini sudah ada yang didakwa, mereka akan dibawa ke mahkamah timbang tara untuk berhujah.

Mohamad memberitahu, sekiranya wujud pelanggaran pihak berkuasa akan mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat.

Media sebelum ini melaporkan, kementerian harus melakukan audit tahunan semua 39,000 pemegang lesen berkait industri padi dan beras.

Langkah itu bertujuan mengesahkan semua aktiviti yang mereka lakukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Isu kartel: KPKM sedia audit 39,000 pemegang lesen borong beras



Mohamad ketika hadir melawat Projek Pembiakan dan Penternakan Lembu Baka Wagyu semalam. - *Gambar BERNAMA*

BACHOK: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersedia menjalankan audit terhadap pemegang lesen borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) bagi membanteras isu

kartel.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pada masa ini, terdapat seramai 39,000 daripada mereka yang terlibat dalam industri makanan tersebut.

"Saya sendiri turun secara mengejut tanpa memaklumkan kepada mana-mana pihak berhubung kedudukan beras dan segala bentuk pemakanan di negara ini.

"Alhamdulillah, sekarang ini masalah ini beransur pulih kerana kami bertindak bersama semua pihak dan kalau ada yang melanggar undang-undang, kami yakin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bertindak seperti yang kami buat pada masa sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pusat Pembiakan dan Penternakan Lembu Wagyu di Ladang Kelfarm Sdn Bhd yang dihadiri Pengarah Eksekutif Syarikat Kelfarm Sdn Bhd Paizol Akman Awang di Kampung Seneng Jelawat, di sini, semalam.

Mohamad berkata melalui agensinya iaitu Kawal Sedia Padi dan Beras Negara (KSPBN) pihaknya menjalankan siasatan dan bertindak berdasarkan fakta bersama KPDN.

"Kami bertindak apabila ada fakta dan kami tidak mahu hebahkan satu-satu perkara, dalam masa yang sama, kami lakukan siasatan bersama KPDN kerana mereka ini yang bertindak menjaga hal-hal berkaitan kartel.

"Sekarang terdapat kes yang berada di peringkat pendakwaan," katanya. - BERNAMA

Tidak audit 39,000 lesen padi, beras

Oleh **FITRI NIZAM**
dan **NURUL IRDINA SUMALI**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tidak akan melakukan audit semula terhadap pemberian 39,000 lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Bahagian Pengawalan Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood berkata, sebelum mengeluarkan lesen dan permit, Kementerian telah melakukan saringan dan

Masalah

kurang beras bukan kerana kartel, monopoli

menganakan syarat ketat kepada pemohon.

“Tidak kisah permit urus niaga meliputi pengilangan, pemborongan, peruncitan, import atau eksport dan pemindahan

antara negeri, kita hanya keluar-keluar untuk yang layak, ada syarat yang perlu dipatuhi,” katanya.

Oleh itu, menurut beliau, masalah yang sedang berlaku sekarang iaitu bekalan beras tempatan yang didakwa sukar dibeli tidak ada kaitan dengan kartel atau monopoli beras negara.

Sebaliknya, kata Azman, kekurangan beras tempatan dipengaruhi kegiatan memborong makanan ruji itu, contohnya untuk memberi bantuan, zakat dan peniaga memborong produk tersebut dengan banyak.

Bersambung di muka 2

9/1/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

2

Tidak audit 39,000 lesen padi, beras

Dari muka 1

"Ada beberapa tender kerajaan yang menggunakan beras tempatan untuk memberikan bantuan dan sebagainya contohnya seperti zakat, yang menjadikan stok beras tempatan di pasaran ketika ini kurang.

"Petiaga juga sering memborong dan menggunakan beras tempatan untuk jualan perniagaan menyebabkan stok beras tempatan sedikit terhadap dan sebab itu kita sedang usahakan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)," katanya.

Kate beliau, program SMART SBB akan dipertingkatkan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan bekalan beras negara.

"Menerusi SMART SBB kita jangka Malaysia boleh meningkatkan hasil beras tempatan kerana penanaman padi lebih sistematik dan mampu menghasilkan beras lebih tinggi bagi setiap hektar sawah," kata beliau.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan KPKM mengeluarkan 39,000 pelbagai lesen seperti borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi.

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) digesa menyiasat segera 39,000 pemegang lesen berkaitan padi dan beras bagi memastikan ketelusan serta mengesahkan semua aktiviti mereka tidak melanggar mana-mana syarat. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, penafian KPKM terhadap kewujudan

alibabakan permit," katanya. Terdahulu, akhbar ini, mendedahkan mengenai kewujudan "kartel" yang memekan nasib pesawah dan Gabungan Pengilang Beras Malaysia membuat dakwaan bahawa ada kartel yang dimonopoli empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Kartel itu juga dikatakan memonopoli lebih 60 peratus pengeluaran beras negara namun KPKM menafikan dakwaan kewujudan kartel atau mafia yang dikatakan bertindak menentukan harga padi di negara ini sambil memaklumkan sebanyak 39,000 lesen pelbagai jenis dikeluarkan dalam industri tersebut.

Katanya, antara lesen yang dikeluarkan meliputi Lesen Borong Beras, Lesen Eksport, Lesen Import, Lesen Kilang Padi, Lesen Membeli Padi, Lesen Beras Runcit dan Kelulusan Khas Menjual Benih Padi bagi benih padi sah (BFS).

Susulan itu, semalam akhbar ini melalui laporan muka depan menggesa kerajaan melalui KPKM untuk mengaudit kesemua 39,000 lesen dan permit yang sudah dikeluarkan kepada pemain industri beras negara bagi mengenalpasti punca gangguan bekalan makanan rufi tersebut.

Pemegang permit berkaitan industri beras juga harus menghantar penyata kewangan untuk menunjukkan jumlah aktiviti yang dilakukan dan ia harus diaudit bagi mengelak mereka mengalibabakan permit diberikan kerajaan.

Malaysia perlukan 1.8 juta tan beras dan bukan 39,000 pelbagai lesen. Lesen tidak menjamin keterjaminan makanan.

FOMCA berpandangan bahawa sudah tiba masanya MyCC melakukan intervensi dalam isu ini seperti yang dilakukannya ketika membongkar kewujudan kartel dalam industri ayam."

kartel atau 'mafia' yang menentukan harga padi, beras dan benih padi tidak cukup untuk menyelesaikan masalah pengeluaran serta bekalan beras tempatan di negara.

Katanya, beras tempatan sepatutnya merangkumi 68 peratus daripada keseluruhan beras di pasaran namun saban hari pihaknya menerima aduan bahawa makanan rufi tersebut sukar diperolehi di pasar raya dan lain-lain premis.

"FOMCA berpandangan sudah tiba masanya MyCC melakukan intervensi dalam isu ini seperti yang dilakukannya ketika membongkar kewujudan kartel dalam industri ayam. Mereka ada kuasa untuk menentukan wujud atau tidak kartel mahupun monopoli dalam industri beras tempatan

"Siasatan terhadap semua pemegang lesen berkaitan padi dan beras dapat menentukan sama ada lesen itu benar-benar diguna mengikut kelulusannya, tiada ketirisan atau meng-

32 set bubu naga dirampas APMM di Pulau Talang

LUMUT - Sebanyak 32 set bubu naga dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak di kedudukan sekitar 1.1 batu nautika barat Pulau Talang di sini kira-kira pukul 4.20 petang semalam.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, bubu naga itu dikesan oleh bot ronda APMM yang sedang melaksanakan Op Sayong, Op Pintas dan Op Tanjung serta Op Tiris di perairan Perak.

Beliau memberitahu, ketika menyusuri kawasan terbabit, bot peronda tersebut melihat terdapat pelampung diikat pada pancang kayu beserta bendera yang mencurigakan di permukaan air.

"Hasil tinjauan mendapati, pelampung berkenaan adalah penanda lokasi bubu naga yang dipasang oleh individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab. Kesemua bubu naga itu dirampas dan diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM untuk tindakan lanjut.

"Pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3) (c) Akta Perikanan 1985 kerana

menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Hambali berkata, penggunaan bubu naga boleh mengakibatkan anak-anak ikan dan udang mudah untuk masuk ke perangkap jaring terbit dan menjejaskan biodiversiti marin serta mengakibatkan hasil laut semakin berkurangan.

"Pemantauan dan risikan oleh APMM Perak akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan kaedah bubu naga daripada terus berleluasa.

"Orang ramai terutamanya komuniti maritim diseru agar terus berkongsi maklumat jika terlihat sebarang pelanggaran undang-undang di laut sebagai mata dan telinga pihak berkuasa," katanya.

Sebarang laporan, aduan dan insiden kecemasan di laut boleh dilaporkan orang ramai dengan menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Perak di talian 05-683 8737 untuk tindakan segera.

ANGGOTA APMM merampas bubu naga yang dikesan di perairan berhampiran Pulau Talang dekat Lumut semalam.
- IHSAN APMM





MOHAMMAD Iman Omar sedang memberi penerangan mengenai penanaman nanas madu MD2.

Nanas MD2 ada nilai pasaran tinggi

NANAS madu atau MD2 kini semakin popular dan mendapat permintaan di pasaran kerana memberikan rasa manis dan kesukaan yang unik kepada si pemakan. Kekuatan istimewa yang tidak membahayakan rasa lidah (rasa pechi) atau gatal pada lidah) dan computer yang lembut berbeza dengan nanas yang lain.

Berkecambah di kawasan nanas MD2 di Malaysia telah diperluaskan membina Osaka sebagai gus menyumbang kepada peningkatan jumlah pengeluaran nanas MD2 membantu peranan industri negara dalam menambah pendapatan.

Sehingga kini, hampir 100 peratus permintaan produk nanas antaranya Singapura, Mesti, China dan Jepun. Laporan yang dihafazan oleh Lembaga Perindustrian Nanas

Malaysia (LPMN). Dalam pada itu, LPMN pada 2021 telah menyeru agar lebih banyak pihak membabitkan diri dalam bidang penanaman nanas, khususnya jenis MD2. Menurut pengkaji perniagaan di pasaran amat tinggi.

Menurut Penolong Pegawai Pertanian, Unit Tanaman Sayuran, Kementerian Pertanian Malaysia (UPAM), Mohamad Iman Omar, terdapat 16 jenis varieti nanas di Malaysia namun pasaran MD2 semakin meningkat yang mengahabkan dekad permintaan yang tinggi oleh peminatnya.

Katanya, pasaran nanas jenis MD2 dapat sambutan yang tinggi selepas swit dan durian kerana penggunaan buah nanas yang pelbagai dalam hidangan seperti minuman segar diminakan ramuan mendapat permintaan dalam perghabitan jus, sambal, jus, salad buah-buahan, sajian dan sebagainya.

Tambahnya, MD2 merupakan buah premium kerana saiznya yang sedang, memberikan rasa ketagihan seban kulturnya yang nipis dan

bekal memecah sehingga empat kilogram (kg) sebil. Selain menjadi salah satu sumber kekayaan baharu negara dalam sektor pertanian, nanas MD2 ini tidak dikira sebagai pengasuh kerana ia tidak menestikan siraman air yang banyak dan hanya perlu memastikan sistem periraitan yang baik bagi mengelakkan penyakit.

Tanaman ini juga tidak memerlukan sistem melarikan pokok tersebut seperti berat (berat) (bacterial heart rot) yang sedikit mengganggu industri nanas Malaysia.

Hal ini demikian kerana, seperti nanas MD2, nanas lain lebih sukar untuk diambil apabila pokok telah mencapai dan membar pokok yang rosak manakala nanas MD2 mampu bertahan dan dapat dihasilkan oleh pokok nanas muda hylu dan rosak.

Dalam pada itu, para pengkaji perniagaan buah nanas dalam keajaiban yang baik serta mengawal rumpai pada pokok nanas yang merupakan antara ancaman yang penting. Katanya lagi, para peminah tidak malu mengembi hasil buah nanas yang kurang cantik walaupun hanya terdapat sedikit salaji bersebaran pada buah.



9/1/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Lambakan beras import, beras tempatan 'kosong'

KOTA BHARU: Peniaga di pasar Siti Khadijah di sini mendakwa mereka berdepan kesukaran untuk mendapatkan beras tempatan bagi memenuhi permintaan pengguna.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati berlaku lambakan beras import di pasaran.

Seorang peniaga Raja Sulaiman Raja Hasan, 60, berkata, sudah beberapa bulan dia berdepan kesukaran untuk mendapatkan stok bekalan beras tempatan.

"Jika sebelum ini saya ada menjual beras tempatan lima dan 10 kilogram (kg), tetapi sekarang tidak dapat jual kerana stok tidak ada.


"Lagi pun, ramai pengguna memilih untuk membeli 'beras Siam', walaupun harga sedikit mahal. Jika ada yang ingin beli beras tempatan, saya cadangkan mereka supaya ke pasar raya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Maznah Awang, 62, turut mengakui

berdepan kesukaran mendapatkan stok bekalan beras tempatan daripada pembekal.

Katanya, sebelum ini dia ada membuat tempahan, namun masih belum menerima stok tersebut sebagai persiapan menghadapi Ramadan tidak lama lagi.

Sementara itu, seorang pengguna, Mariam Awang, 62, berkata, beras tempatan menjadi pilihan utama dia dan keluarga, namun ketika ini amat sukar mendapatkan keperluan itu ekoran ketiadaan bekalan.



STOK beras import yang banyak dijual di pasaran semasa tinjauan di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED